

## **Isu mobiliti warga emas di Kota Kinabalu, Sabah: Satu penelitian awal**

### **ABSTRAK**

Penuaan menjadi satu norma di negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Eropah, China, Hong Kong dan juga semakin menonjolkan di dalam konteks negara sedang membangun termasuk Malaysia. Trend penuaan ini merupakan suatu loceng peringatan bagi perancang polisi dan juga pihak berkepentingan untuk membuat rancangan awal bagi mempertingkatkan sistem pengangkutan awam agar lebih mesra spesifikasi warga emas. Antaranya isu mobiliti warga emas adalah kemudahan pengangkutan dan juga isu kesihatan yang disebabkan oleh peningkatan umur dan penurunan kecerdasan dan kecergasan. Satu set borang kaji selidik diedarkan kepada 384 warga emas yang berusia 60 tahun ke atas menerusi persampelan bertujuan di sekitar daerah Kota Kinabalu. Analisis data menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi menerusi peratusan, skor min purata dan tabulasi silang untuk memahami perhubungan antara angkubah yang terlibat. Penemuan menunjukkan kelemahan dalam sistem pengangkutan dapat menjelaskan mobiliti warga emas kerana tidak memberi kemudahan dalam pergerakan namun warga emas tetap mampu menyumbang kepada guna tenaga dan juga profesional dan ada keperluan mobiliti. Akses terhadap pengangkutan awam yang terhad juga menjelaskan pola perjalanan dan menimbulkan isu mobiliti dalam kalangan warga emas. Ini kerana tidak semua warga emas mempunyai kenderaan persendirian dan tidak tinggal bersama anak-anak dan ahli keluarga yang lain. Isu kesihatan dalam kalangan warga emas telah menjadi isu utama mobiliti dimana keuzuran tidak dapat menampung dan menyokong ciri-ciri perjalanan mereka. Disebabkan peningkatan umur, warga emas mengalami masalah dalam memandu. Warga emas tidak digalakkan untuk memandu disebabkan mengalami masalah tindakan lambat dan kepelbagai halangan penglihatan. Warga emas merupakan ‘teknofobia’ di mana jarang pendedahan terhadap Teknologi Maklumat dan Berkommunikasi (ICT) dan ini menyebabkan mereka kurang pilihan terhadap pengangkutan alternatif iaitu e-hailing yang memudahkan pergerakan warga emas. Hasil kajian ini dapat dijadikan pencetus idea bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam perancangan dan penyediaan polisi dan strategi bagi memenuhi keperluan mobiliti warga emas agar dapat mengekalkan keaktifan dan penglibatan dalam komuniti agar tidak dipinggirkan.